



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 11/2023**

29 NOVEMBER 2023 | RABU

10.30 PAGI | BILIK SIANTAN

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi
Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormatkan Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh
Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri
Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ketua-ketua WHIP,
Majis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,
Majis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan, pihak media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis
MPS **Bil.11/2023** bagi bulan **November**
pada pagi yang berbahagia ini.

1. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 1.1 Untuk makluman, sehingga 31 Oktober 2023, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa sebanyak **96.86 juta (84.39%)** daripada **RM 114.78 juta**.
- 1.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak **RM 8.94 juta (74.48%)** berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak **RM 12 juta**.

2. NOTIS (BORANG E) DAN BIL CUKAI TAKSIRAN

- 2.1 Setelah tamat notis caj lewat pada **15 Oktober 2023**, MPS telah melaksanakan tindakan waran tahanan dengan caj sebanyak **RM100.00**. Caj ini akan dikenakan kepada akaun yang masih mempunyai tunggakan RM200.00 ke atas. Sebanyak **31,303 keping** waran telah dikeluarkan sehingga **31 Oktober 2023**.
- 2.2 Untuk makluman, MPS juga sedang meneruskan Kempen Bayaran Cukai Taksiran secara dalam talian (online) menerusi aplikasi MyMPS, Lazada, Shopee dan Cepat yang bermula sejak Januari 2023.

3. PERBAHARUI DAN BAYAR LESEN PERNIAGAAN DI PORTAL MYMPS

- 3.1 Selain itu, dalam dunia serba digital ini, bagi memberi kemudahan kepada para pelanggan, MPS telah menaiktaraf portal MyMPS untuk pelanggan melaksanakan transaksi dengan lebih mudah. Menerusi pautan <https://mymps.mps.gov.my> ini, pelanggan MPS boleh memperbaharui dan membuat bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai, permit bangunan dan perancang serta kompaun MPS.
- 3.2 Untuk bulan Oktober 2023, jumlah keseluruhan kutipan yang diterima adalah sebanyak **RM 468,434.87** iaitu **1,392 transaksi** .

(Perincian untuk rujukan)

	Lesen Perniagaan	Sewaan Gerai	Permit Bangunan dan Perancang	Kompaun
Transaksi	77	820	29	466
Jumlah	RM 39,704.21	RM 274,028.90	RM 126,371.76	RM 28,330.00

4. PORTAL MY-ESIM

- 4.1 Dalam usaha untuk mengurangkan tunggakan hasil, MPS telah membangunkan portal semakan bil-bil melalui portal MY-ESIM (<https://my-esim.mps.gov.my>) bagi memudahkan orang awam membuat semakan kendiri menerusi carian nombor kad pengenalan atau nombor syarikat (SSM) pemohon.

- 4.2 Tujuan portal ini diwujudkan adalah bagi memastikan setiap permohonan yang dibuat tidak mempunyai tunggakan hasil sebelum diproses.

4.3 Justeru, kepada pemilik yang ingin menghantar sebarang permohonan di MPS, tunggakan hasil boleh disemak terlebih dahulu di MY-ESIM dan seterusnya membuat bayaran. MPS hanya menerima permohonan sekiranya Sijil E-SIM iaitu sijil yang menunjukkan tiada tunggakan hasil dikemukakan kepada jabatan yang akan memproses permohonan pemilik.

5. PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN TAHUN 2024 MYMPS

- 5.1 Mulai 18 hingga 30 Disember 2023, MPS akan membuka kaunter bagi pembaharuan lesen perniagaan tahun 2024 di Lobi Menara MPS. Waktu pengoperasian adalah pada hari Isnin hingga Jumaat bermula pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang, manakala pada hari Sabtu bermula pukul 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.
- 5.2 Semua pemilik juga diingatkan untuk membuat bayaran pembaharuan lesen perniagaan sebelum atau pada 31 Disember 2023 bagi mengelakkan caj fi proses lewat sebanyak 10% daripada jumlah aktiviti lesen dikenakan serta tindakan tutup dan sita premis.

- 5.3 Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Pelesenan MPS di talian 03-6126 5942/43 atau layari www.mps.gov.my.

6. TERIMA KASIH KERAJAAN NEGERI SELANGOR

- 6.1 Selaras dengan pengumuman oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor di Pembentangan Belanjawan Bajet 2024 Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor akan memberikan Bantuan Kewangan Khas (BKK) 2023 sebanyak sebulan gaji atau minimum RM1,000 kepada kakitangan awam yang berkhidmat di bawah pentadbirannya yang akan dibayar pada 28 Disember 2023.
- 6.2 Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada bantuan keseluruhan sebanyak 2.5 bulan gaji kepada kakitangan awam yang sudah pun dimulakan menerusi BKK kali pertama sebanyak sebulan gaji minimum RM1,000 pada Hari Raya Aidilfitri pada Mei 2023.
- 6.3 Saya mewakili seluruh kakitangan MPS ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Menteri Besar Selangor. Harapan saya agar inisiatif ini dapat meningkatkan lagi prestasi dan semangat kerja dalam kalangan warga MPS.

7. TAHNIAH ATAS KEJAYAAN MPS

- 7.1 Seterusnya, suka saya ingin berkongsi dengan semua tentang kejayaan yang telah dilakar oleh MPS sepanjang bulan November ini.
- 7.2 Untuk makluman, pada 6 November yang lalu, MPS telah menerima sijil pengiktirafan atas penyediaan SDG City Roadmap di Pelancaran Malaysia SDG Cities Network & World Habitat Day bertempat di Kuching Sarawak.
- 7.3 Selain itu, pada 18 November yang lalu, MPS turut menerima dua anugerah iaitu Anugerah Khas Komuniti Ceria Kebun Komuniti Flat Dadimur Taman Batu Caves sempena Hari Anugerah Laman Hijau Negeri Selangor Tahun 2023 dan Anugerah Kemampanan Bandar (MURNInets) sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia.
- 7.4 Tahniah saya ucapkan kepada semua yang telah bertungkus-lumus dalam menjayakan program ini. Saya amat berbangga dengan pencapaian ini dan saya berharap lebih banyak kejayaan akan dikecapi oleh MPS pada masa akan datang.

8. TAHNIAH URUS SETIA PROGRAM KEMPEN TANAM POKOK PERDANA MPS TAHUN 2023

- 7.1 Saya juga ingin menzahirkan rasa bangga dan terima kasih saya kepada semua urus setia yang terlibat dalam menjayakan Program Kempen Tanam Pokok Perdana MPS Tahun 2023 yang telah diadakan di tiga lokasi secara serentak iaitu Elmina Business Park, Denai Sungai Kebangsaan, Sungai Batu, Gombak dan Taman Pinggiran Pelangi, Rawang.
- 7.2 Saya dapat lihat di tapak pelancaran, YB Jamaliah binti Jamaluddin, EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar yang mewakili YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor untuk merasmikan program tersebut berasa gembira dan teruja sepanjang program tersebut berlangsung.
- 7.3 Alhamdulillah semuanya telah berjalan dengan lancar. Terima kasih sekali lagi diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini.

9. TABUNG AMANAH KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN PERINGKAT PERKHIDMATAN AWAM

- 9.1 Saya juga ingin berkongsi tentang Tabung Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin Peringkat Perkhidmatan Awam yang telah dilancarkan pada 3 November yang lepas sebagai tanda solidariti penjawat awam dalam membantu rakyat Palestin.
- 9.2 Untuk makluman, sejumlah RM10,000 telah berjaya dikumpulkan hasil sumbangan daripada kakitangan MPS dan pihak MPS sendiri.
- 9.3 Diharapkan semoga dengan bantuan ini sedikit sebanyak dapat membela nasib yang menimpa saudara kita di Palestin dan sama-sama kita doakan agar urusan mereka semua dipermudah.

Sekian, wabillahi Taufik wal hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.